

Pengurusan

Gincutku

Bab 1: Pengurusan

Bahagian Masalah Perumahan di Kampung Bahru Ampang

Bahagian 1.1: Daftar Kuala Lumpur

Bahagian 1.2: Nama-nama

Bahagian 1.3: Keputinggalan

Bahagian 1.4: Metode : Lim Yoke Snow

Bahagian 1.5: Nombor No. Matrik 041241

Bahagian 1.6: Kajian-kajian analisis

Bahagian 1.7: Konsep-konsep

Bab 2: Sejapah & Latihan Latihan Ilmiah

Bahagian 2.1: Tujuan Bagi Memenuhi Sebahagian

Bahagian 2.2: Daripada Syarat-syarat Untuk

Bahagian 2.3: Ijazah Sarjana Muda Sastera

Bahagian 2.4: Tularan

Bahagian 2.5: Sertifikasi Penduduk

Bab 3: Palingku Sosial

Bahagian 3.1: Jabatan Antropologi dan Sosiologi

Bahagian 3.2: Nama Universiti Malaya

Bahagian 3.3: Kosmoisasi Kuala Lumpur

Bahagian 3.4: Konsidensi Klang

Bahagian 3.5: Keadaan

Bahagian 3.6: Keperluan Perumahan

Bab 4: Palingku Kewajipan & Politik

Bahagian 4.1: Hidang & Jemputan Sesi 1984/1985

Bahagian 4.2: Pola Pendekatan & Perbelanjaan

Bahagian 4.3: Upaya-upaya bagi memiliki atau menyewa rumah serta flat kerana rendah kerajaan

Bahagian 4.4: Peluang-peluang serta sikap penduduk komuniti kejiran untuk memiliki rumah-rumah serta flat-

Kandungan

Penghargaan

Sinopsis

Bab 1: Pengenalan

Bahagian 1.1: Pendahuluan

Bahagian 1.2: Tujuan Kajian

Bahagian 1.3: Banting Kajian

Bahagian 1.4: Kepentingan Kajian

Bahagian 1.5: Metode Kajian

Bahagian 1.6: Masalah Kajian

Bahagian 1.7: Kajian-kajian awal

Bahagian 1.8: Konsep-konsep

Bab 2: Sejarah & Latarbelakang

Bahagian 2.1: Pendahuluan

Bahagian 2.2: Kedudukan & Lokasi

Bahagian 2.3: Keadaan & Infrastruktur

Bahagian 2.4: Taburan Penduduk

Bahagian 2.5: Latarbelakang Responden

Bab 3: Faktur Sosial

Bahagian 3.1: Pendahuluan

Bahagian 3.2: Kualiti Perumahan

Bahagian 3.3: Kemudahan Sosial Lain

Bahagian 3.4: Kemudahan Riadah

Bahagian 3.5: Kesesakan

Bahagian 3.6: Keperluan Perumahan

Bab 4: Faktur Ekonomi & Politik

Bahagian 4.1: Bidang & Jenis Pekerjaan

Bahagian 4.2: Pola Pendapatan & Perbelanjaan

Bahagian 4.3: Syarat-syarat bagi memiliki atau menyewa
rumah serta flat kos rendah kerajaan

Bahagian 4.4: Peluang-peluang serta sikap penduduk kawasan
kajian untuk memiliki rumah-rumah serta flat-

flat yang disediakan oleh kerajaan

Bahagian 4.5: Perbincangan

Bab 5: Rumusan& Cadangan-cadangan

Bahagian 5.1: Rumusan

Bahagian 5.2: Cadangan-cadangan

Lampiran

Penghargaan

Penulis ini ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terimakasih kepada Penyelianya, En. Mohd. Razali Agus yang telah banyak memberi sokongan kepada penulis ini semasa menjalankan latihan ilmiah ini. Penulis sedar bahawa tanpa sokongan dan pertolongan dari Tuan Penyelianya itu, kajian ini mungkin tidak akan berjaya. Penulis juga terhutang budi kepada Ketua Jabatan Antropologi & Sosiologi yang telah sudi mengampuni penulis ini dalam kesilapannya. Penghargaan juga diberi kepada semua pensyarah Jabatan Antropologi dan Sosiologi yang penulis telah bernasib menemui dalam pengajaran penulis selama tiga tahun ini. Akhir sekali, harus juga diucapkan terimakasih kepada semua orang lain yang telah menyumbang kepada kajian ini. penulis akan melihat sebanyak-banyak yang ada iaitu Karpung buhru Ampenge.

Kertas ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama, penulis akan melihat tugasan kajian penulis ini. **Penulis.** Di dalam bahagian ketiga, penulis akan melihat sejarah serta analisis konten kajian serta latarbelakang secara umum serta latarbelakang responden.

Bahagian ketiga adalah tertunpu kepada aspek sosial dalam masalah perusahaan di kawasan kajian tersebut. Seterusnya, penulis akan melihat aspek-aspek ekonomi dan politik dan kaitannya dengan masalah perusahaan di kawasan itu.

Sebagai penutup, penulis akan memberi rumusan perjumpaan dan beberapa cadangan untuk mengurangkan masalah itu.

Sinopsis

Kampung bahru Cina adalah suatu fenomena sosial yang bermula dalam tahun-tahun 1950an. Ia timbul sebagai kesan langsung daripada tindakan kerajaan British untuk mencegah ancaman komunis di Tanah Melayu. Di dalam usahanya itu, British telah memulakan program pemindahan semula penduduk luarbandar di dalam kampung-kampung yang terpagar dan terkawal yang dikenali sebagai kampung-kampung bahru. Masalah perumahan di Malaysia kelihatan semakin ketara dari setahun ke setahun. Penduduk semakin bertambah sedangkan rumah-rumah yang wujud dan yang berada dalam berbagai peringkat pembinaan tidak berkembang dengan kadar yang sama. Di dalam kertas kajian ini, penulis ini akan cuba melihat kaitan di antara masalah perumahan ini dengan fenomena kampung bahru Cina di Wilayah Persekutuan. Untuk tujuan ini, penulis telah memilih sebuah kampung yang asal iaitu Kampung bahru Ampang.

Kertas ini terbahagi kepada lima bahagian. Bahagian pertama, penulis akan melihat tujuan kajian penulis ini.

Di dalam bahagian kedua, penulis akan melihat sejarah serta asal-usul kawasan kajian serta latarbelakang secara umum serta latarbelakang responden.

Bahagian ketiga adalah tertumpu kepada aspek sosial dalam masalah perumahan di kawasan kajian tersebut.

Seterusnya, penulis akan melihat aspek-aspek ekonomi dan politik dan kaitannya dengan masalah perumahan di kawasan itu.

Sebagai penutup, penulis akan memberi rumusan perjumpaan dan beberapa cadangan untuk mengurangkan masalah itu.

1.1 Pendahuluan

Kemajung buhru ialah satu keadaan yang male-male digunakan di mana darurat. Di samping terdapat, kerajaan British di Malesia telah mengamalkan prinsip partisipasi negara penduduk tanah besar yang terlibat di komuniti yang lama dan tidak teratur kepada kumpulan-kumpulan buhru yang lebih teratur dan segeraya. Di antara kumpulan-kumpulan buhru yang wujud pada masa itu termasuklah Kemajung buhru yang terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur. Dalam

BAB 1

kajian ini, penulis telah memperhatikan hal ini sebagai sebahagian tapak pencelidikannya. Kajian ini berujuan melihat sejauhmanaakah masalah permasalahan wujud dalam sebuah kesanggupan buhru Cina di komuniti bandar di Wilayah Persekutuan. Masalah ini akan dilihat dari tiga aspek iaitu aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik.

Kesanggupan kemajung buhru Cina merupakan suatu faktor kajian

PENGENALAN

merupakan sifat komuniti yang belum banyak dikelaskan oleh pengajar-pengajar baik secara ilmiah maupun pengajar sosial. Oleh itu, penulis ini menampik kesukaran mendapat maklumat-maklumat mencuci tentang komuniti tersebut. Selainnya lagi, kekurangan kajian-kajian lain tidak membentukkan pertimbangan kejiran kerana ini. Namun demikian kepada kesukaran ini, tidak dapat kita bayangkan jika tidak jasarkan bagi menyelidikinya masalah yang wujud tetapi cuma dapat menjadi tapak bagi pelanjutan kajian-kajian kajian.

1.2 Tujuan Kajian

Tujuan ilmiah ini dijalankan untuk memenuhi syarat-syarat bagi mendapatkan ijazah Sarjana Muda. Tujuan ini bertujuan mengamalkan metode di antara fenomena kemajung buhru Cina dengan masalah permasalahan di komuniti bandar khasnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah.

1.1 Pendahuluan

Konsep kampung bahru ialah satu konsep baru yang mula-mula digunakan di masa darurat. Di zaman tersebut, kerajaan British di Malaya telah mengamalkan proses pertempatan semula penduduk luarbandar yang tersibar di kawasan yang luas dan tidak teratur kepada kampung-kampung bahru yang lebih teratur dan sempurna. Di antara kampung-kampung bahru yang wujud pada masa itu termasuklah Kampung Bahru Ampang yang terletak di pinggir bandar Kuala Lumpur. Di dalam kajian ini, penulis telah memilih Kampung Bahru Ampang sebagai tapak penyelidikannya. Kajian ini bertujuan melihat sejauhmanakah masalah perumahan wujud dalam sebuah kampung bahru Cina di kawasan bandar di Wilayah Persekutuan. Masalah ini akan dikaji dari tiga aspek iaitu aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik.

Kawasan kampung bahru Cina sebagai satu pusat kajian merupakan satu kawasan yang telah banyak dielakkan oleh pengkaji-pengkaji baik pengkaji luarnegeri mahupun pengkaji tempatan. Oleh itu, penulis ini mendapati kesukaran mendapat maklumat-maklumat mengenai kawasan tersebut. Tambahan lagi, kekurangan kajian-kajian lain tidak memberarkan perbandingan kejituuan kertas ini. Memandang kepada kesukaran ini, tidak dapat kertas ini dijadikan jawapan bagi menyelesaikan masalah yang wujud tetapi cuma dapat menjadi tapak bagi pelanjutan lain-lain kajian.

1.2 Tujuan Kajian

Latihan ilmiah ini dijalankan untuk memenuhi syarat-syarat bagi mendapatkan ijazah Sarjana Muda. Latihan ini bertujuan mengkaji kaitan di antara fenomena kampung bahru Cina dengan masalah perumahan di kawasan bandar khasnya di kalangan mereka yang berpendapatan rendah.

Masalah perumahan di kawasan bandar merupakan satu masalah yang penting dialami oleh rakyat Malaysia. Penduduk di bandar kian ber tambah dari setahun ke setahun sedangkan bilangan rumah yang sediada ataupun yang baru berada dalam berbagai-bagai peringkat binaan tidak bertambah pada kadar yang sama. Untuk latihan ini, penulis telah memilih sebuah kampung bahru Cina di bandar Kuala Lumpur iaitu Kampung Bahru Ampang. Tujuan penulis di sini ialah untuk melihat sejauhmanakah masalah perumahan wujud serta apakah langkah-langkah yang boleh dapat diambil oleh kerajaan bagi mengurangkan masalah ini dalam aspek-aspek sosial, ekonomi dan politik.

1.3 Bidang Kajian

Kajian ini dibuat di Kampung Bahru Ampang dalam daerah Petaling. Kajian ini memakan masa selama lebih kurang tiga bulan bermula dari bulan April hingga ke bulan Jun, 1984. Segala data yang digunakan oleh penulis dalam kajian ini dipungut dalam jangka masa yang ditetapkan itu. Pada permulaan kajian dibuat secara umum dengan menggunakan data-data yang dipungut daripada Jabatan Perangkaan dan Pejabat Majlis Daerah Ulu Langat. Bagi kajian selanjutnya, data dipungut daripada sampel yang dipilih secara rawang. Secara umum, penulis ini telah membahagikan kajian ini kepada tiga bahagian iaitu:-

- (i) Sejarah dan latarbelakang - bahagian ini akan meninjau perkara-perkara seperti sejarah permulaan kawasan kajian, lokasi serta keadaan infrastrukturnya dan melihat sejauhmana faktur-faktur ini mempengaruhi masalah perumahan di kawasan tersebut.
- (ii) Aspek sosial - bahagian ini meninjau perkara-perkara seperti bahan binaan rumah, kemudahan awam dan sosial dan lain-lain dan kaitannya dengan masalah perumahan kawasan ini.

(iii) Aspek Ekonomi dan Politik - bahagian ini penulis akan melihat aspek-aspek ekonomi seperti taraf pendapatan pola perbelanjaan, jenis pekerjaan dan sebagainya serta faktur-faktur politik misalnya syarat-syarat memohon rumah awam, program perumahan kerajaan dan lain-lain dan melihat sejauhmana kedua-dua aspek-aspek ini mempengaruhi masalah perumahan di sini.

Selanjutnya, penulis akan melihat sejauhmanakah benarnya kenyataan bahawa penduduk kampung bahru Cina adalah miskin dan tidak mampu memiliki rumah-rumah awam kerajaan. Selain daripada itu, penulis akan juga melihat sikap-sikap penduduk kawasan tentang rumah-rumah awam dan samada mereka mempunyai keinginan untuk memiliki rumah-rumah ini ataupun sengaja hendak menduduki tempat asal.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian-kajian lain yang pernah dijalankan ke atas kampung-kampung bahru Cina di Malaysia tidak menyentuh fenomena masalah perumahan dan kaitannya ke atas kampung tersebut. Oleh itu, kajian ini merupakan kajian perintis yang melihat masalah perumahan di kampung bahru Cina. Penulis ini akan melihat sejauhmanakah masalah ini wujud di sini dan jika wujud, apakah aspek-aspek yang sebenarnya didapati dan bagaimana serta apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengatasinya.

Oleh kerana kajian ini cuma merupakan kajian perintis sahaja adalah hasrat penulis menggunakan sebagai galakan bagi pengkaji-pengkaji yang terkemudian untuk membuat penyelidikan selanjutnya ke atas kampung-kampung bahru di negara ini. Ada banyak lagi aspek-aspek lain yang tidak disentuh oleh penulis ini dan aspek-aspek ini boleh dijadikan bidang kajian bagi pengkaji-pengkaji lain. Penulis ini tidak mempunyai hasrat untuk mendedahkan

kelemahan-kelemahan pentadbiran kerajaan ke atas kampung bahru Cina Ampang tetapi cuma ingin membincangkan beberapa masalah yang wujud serta memberi beberapa cadangan bagaimana iaanya dapat diatasi. Penulis percaya bahawa adalah terpulang kepada pihak kerajaan untuk mengambil tindakan sewajarnya untuk mengurangkan masalah ini.

1.5 Metodologi Kajian

Dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan tentang metodologi kajian yang digunakan untuk latihan ilmiah ini. Penulis telah membahagikannya kepada dua bahagian iaitu:-

- (i) Kaedah kajian luar
- (ii) Kaedah kajian perpustakaan
- (i) Kaedah kajian luar

Kajian luar melibatkan kaedah pergumpulan data yang utama dalam kajian ini. Yang dimaksudkan dengan kajian luar ialah cara atau proses pergumpulan data primari daripada penduduk yang bertaburan dari segi geografi. Di dalam mengamalkan kaedah ini, penulis telah menggunakan empat aspek iaitu:-

- (a) pemerhatian
- (b) soalselidik
- (c) pemilihan responden
- (d) temubua l informal

(a) pemerhatian

Cara pemerhatian merupakan suatu kaedah di mana seseorang penyelidik sosial mendekati seseorang anggota dari suatu kelompok di mana ia membuat kajian dan menyertai di dalam operasi hidup kelompok tersebut.²

Penulis menjalankan cara ini dengan mengambil hari pertama kajian luar untuk berjalan-jalan di sekelilingi kawasan itu sambil membuat nota-nota penting mengenai keadaan kawasan itu. Melalui pemerhatian ini, penulis telah dapat membuat rumusan tentang keadaan fizikal kawasan ini misalnya tentang

keadaan jalanraya serta sistem parit dan longkang di kawasan itu.

Di samping itu, penulis telah juga membuat pemerhatian ke atas struktur ekonomi di sini dan didapati bahawa kawasan ini mempunyai sektor ekonomi yang pelbagai. Misalnya, di dapati industri berat dan industri ringan terletak di sisi satu antara lain. Industri berat seperti kilang-kilang besi dan keluli mewujudkan industri ringan seperti kedai-kedai runcit, gerai-gerai makan dan sebagainya.

Cara pemerhatian merupakan cara pergumpulan data yang penting di dalam membuat kajian ini kerana penulis dapat menggunakan cara ini untuk membuat rumusan yang tidak boleh diperolehi melalui kaedah penyoalan seperti memerhatikan keadaan fizikal yang cuma dapat melalui penggunaan deria penglihatan.

(b) soalselidik

Yang dimaksudkan dengan soa lselidik ialah suatu bentuk yang berstruktur yang menggunakan soalan-soalan yang telah disediakan bagi satu kawasan kajian tetentu.³

Terdapat dua jenis soalselidik iaitu yang bersifat terbuka dan yang bersifat tertutup. Jenis pertama membolehkan responden menjawab soalan secara bebas sementara cara yang kedua mempunyai jawapan yang disediakan dan responden dikehendaki memilih deripadanya.

Penulis dalam membuat kajian ini telah menggunakan kedua bentuk soalselidik ini. Dalam kes di mana penulis dikehendaki mendapat pendapat responden misalnya tentang sikap responden terhadap perumahan awam, penulis telah menggunakan bentuk soalselidik terbuka. Tetapi di mana terdapat soalan yang tidak memerlukan pandangan responden, penulis telah menggunakan cara tertutup seperti menanya tentang samada mereka itu berhutang ataupun tidak.

(c) pemilihan responden

Penulis tidak dapat menjalankan kajian yang tidak bias kerana penulis cuma memilih limapuluh orang responden daripada lebih kurang 12987 orang yang didapati di sini. Sungguh pun demikian, penulis telah cuba mendapatkan responden daripada semua jenis bangsa, ugama dan jantina dan dalam lingkungan umur yang luas. Antara limapuluh orang responden yang dipilih duapuluhsatu adalah lelaki dan yang lain adalah perempuan. Penulis telah memilih lebih banyak responden bangsa Cina kerana kawasan ini adalah didiami oleh majoriti Cina yang besar.

(d) temubual secara informal

Yang dimaksudkan dengan temubual informal ialah pergumpulan maklumat-maklumat melalui temubual profesional dengan seseorang individu untuk mendapatkan sesuatu di dalam kajian sosial.⁵ Di dalam kajian ini penulis telah menggunakan temubual secara informal di mana tidak disediakan soalan-soalan yang yang tetap tetapi sebaliknya, pertanyaan dibuat secara spontan. Kaedah ini amat berguna dalam mendapatkan maklumat daripada Pejabat Majlis Daerah Ulu Langat kerana pejabat ini tidak mempunya irekod tertulis mengenai kawasan kajian itu.

(ii) Kajian perpustakaan

Kajian perpustakaan melibatkan penggunaan dokumen-dokumen sekunder. Penulis telah menggunakan bahan daripada perpustakaan Jabatan Perangkaan Negara misalnya data tentang jumlah penduduk, pembahagian kaum, jenis pekerjaan dan lain-lain.

Selain daripada itu, penulis telah juga menggunakan bahan perpustakaan besar Universiti Malaya dan perpustakaan Jabatan Antropologi dan Sosiologi. Misalnya, daripada perpustakaan Jabatan, penulis dapat membaca pembacaan tentang latihan ilmiah awal tentang kawasan kampung bahru.

1.6 Masalah Kajian

Dalam menjalankan kajian di Kampung Bahru Ampang, penulis telah mengalami beberapa masalah yang telah menghalang kecesakan kajian ini.

Di dalam bahagian ini, penulis akan membincangkan masalah tersebut serta langkah-langkah yang diambil oleh penulis untuk mengurangkannya.

Salah satu masalah yang dialami oleh penulis ialah kesukaran mendapatkan sokongan daripada penduduk di situ. Penulis mendapati bahawa nisbah yang tidak bekerjasama dengan yang bekerjasama ialah 2:1 iaitu bagi tiap-tiap dua orang yang ditemui oleh penulis salah seorang daripada mereka akan menolak untuk mengambil bahagian di dalam kajian ini. Oleh itu, penulis cuma dapat mengumpulkan limapuluh orang responden dalam jangkamasa dua setengah minggu kajian ini dijalankan. Penulis mendapati bahawa alasan yang diberi oleh mereka yang tidak mahu mengambil bahagian ialah ketiadaan masa untuk menjawab semua soalan-soalan yang banyak itu. Ramai daripada mereka adalah terlalu sibuk dengan kerja-kerja untuk memberi masa ataupun perhatian kepada penulis. Yang lain pula mengatakan bahawa mereka tidak mempunyai masa ataupun minat terhadap kajian ini. Mereka mengatakan bahawa kajian ini tidak dapat menolong mereka kerana ia tidak akan mengubah ataupun membaiki keadaan yang wujud. Segolong yang lain pula menunjukkan minat yang besar dalam kajian ini dan ingin mengambil bahagian tetapi berasa takut akan akibatnya. Ramai berpendapat bahawa kajian ini dikaitkan dengan pihak kerajaan dan mereka berasa ragu jika diketahui tentang pandangan mereka terhadap kerajaan, pihak berkuasa akan mengambil langkah-langkah seperti memindah dan memecahkan mereka. Penulis mendapati bahawa alasan-alasan yang diberikan oleh mereka yang tidak mahu mengambil bahagian kecuali alasan yang pertama, adalah berpunca daripada kejahilan penduduk

terhadap tujuan dan matlamat kajian ini. Kajian ini adalah untuk memenuhi syarat-syarat untuk mendapatkan ijazah Sarjana Muda dan bukan satu kajian sulit kerajaan. Penulis telah caba menerangkan kepada penduduk di situ tentang tujuan ini. Dalam kes pertama pula, penulis mendapati sumber masalah ini ialah masa yang dipilih untuk membuat kajian itu. Penulis telah menetapkan dua sessi untuk membuat kajian luar iaitu antara 9.30 pagi hingga 12.00 tengahari dan di antara 2.30 petang hingga 4.00 petang. Masa-masa itu, mereka yang berada di dalam rumah biasanya adalah sibuk dengan tugas-tugas rumah. Yang lain pula sedang bekerja. Untuk mengatasi masalah ini, penulis telah mengadakan satu lagi sessi iaitu antara 5.00 hingga 6.00 petang pada hari Ahad. Satu lagi masa lah yang dialami oleh penulis semasa menjalankan kajian ialah masalah mencari responden lelaki. Masa yang dipilih oleh penulis adalah juga masa golongan lelaki sedang bekerja. Oleh itu, penulis mendapati bahawa responden yang didapati ialah responden wanita iaitu suri rumah tangga yang tidak bekerja ataupun yang menjalankan kerja-kerja sampingan di dalam rumah seperti membasuh kain, membungkus barang dan sebagainya. Golongan lelaki yang didapati ialah golongan yang telah bersara ataupun mereka yang masih bersekolah. Tetapi, penulis telah dapat menggunakan waktu 5.00 hingga 6.00 petang hari Ahad untuk mendapatkan responden lelaki yang sedang bekerja.

Walaupun penulis telah mendapat responden-responden yang agak rata dari segi umur dan jantina tetapi satu lagi masalah yang dihadapi oleh penulis ialah masalah komunikasi. Penulis mendapati bahawa kawasan kajian mempunyai campuran loghat-loghat bahasa yang sangat luas iaitu bahasa Kantonese, Hokkien Hakka dan Mandarin. Penulis cuma dapat bertutur dalam bahasa Malaysia, Inggeris dan Kantonese. Bilangan penduduk yang boleh di dalam bahagian ini, penulis akan melihat bertbagai ...9/

bertutur dalam Bahasa Malaysia ataupun Inggeris adalah terlalu kecil. Lagipun, adalah sukar bagi penulis untuk menerangkan ataupun menterjemahkan makna setengah soalan kepada penduduk tersebut. Memandangkan masalah ini penulis telah terpaksa menghadkan responden-responden kepada mereka yang memahami Bahasa Malaysia ataupun Inggeris.

Satu lagi masalah yang dialami oleh penulis ialah masalah yang ditimbulkan oleh pihak kerajaan. Misalnya, dalam menggunakan sumber Jabatan Perangkaan, penulis terpaksa melalui proses-proses yang komplikated iaitu menyerahkan tiga salinan kertas akuan dari Universiti di samping dikehendaki melalui temuduga dengan pegawai untuk menentukan bahawa kajian ini adalah benar-benar untuk tujuan akademik sahaja. Semasa menggunakan kemudahan perpustakaan Jabatan itu, penulis mendapati bahawa waktu menggunakan adalah terlalu terhad dan tidak pula terdapat buku senarai data untuk memudahkan rujukan.⁷ Tambahan lagi, data yang didapati adalah data tahun 1980 dan keadaan ini memang telah berubah di masa kini. Misalnya, Banci Penduduk 1980 menunjukkan bahawa jumlah penduduk di sini ialah 12987 orang, padahal jumlah penduduk di sini memang telah meningkat di masa kini.

Satu lagi kekurangan dalam kajian ini ialah ketiadaan sebarang rekod tertulis tentang kawasan kajian daripada Jabatan Majlis Daerah. Oleh itu sebarang maklumat yang diperolehi oleh penulis tentang kasawan ini adalah daripada temubual dengan pegawai di situ. Satu kekurangan besar mengenai cara ini ialah kejituannya yang tidak dibuktikan kerana tidak ada rekod tertulis.

Masalah-masalah ini telah banyak menjaskan kejayaan kajian tersebut dan oleh itu, kajian ini tidak boleh dianggap sebagai mewakili kawasan kajian seratus peratus.

1.7 Kajian-kajian Awal
Di dalam bahagian ini, penulis akan melihat berbagai teori

awal mengenai masalah perumahan. Seterusnya, penulis akan melihat beberapa kajian awal tentang kampung-kampung bahru di negara ini.

Mengikut Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat, matlamat perumahan adalah untuk menentukan supaya semua rakyat Malaysia terutama mereka yang berpendapatan rendah mempunyai peluang untuk menikmati perumahan yang mencukupi. Di dalam bandar program ini meliputi pemesatan projek-projek perumahan sementara di luarbandar program ini ialah untuk memperbaiki mutu rumah, kemudahan asas dan kemudahan kebersihan dan sekim-sekim pembangunan tanah membina rumah kos rendah.¹⁰

Emiel Wegelin telah membuat kajian mengenai masalah perumahan dan kaitannya dengan fenomena setinggan di Malaysia. Masalah perumahan timbul kerana proses urbanisasi yang pesat disertai oleh migrasi yang pesat dari luarbandar ke kawasan bandar.

Ini menyebabkan timbulnya kepesatan tanah serta pengangguran yang meluas. Ini menyebabkan timbulnya satu golongan yang miskin yang tinggal di bandar sebagai penduduk setinggan dan menjadi tekanan ke atas perumahan di bandar.

Wegelin melihat masalah perumahan tidak semata bertumpu kepada masalah mendapatkan unit-unit kediaman sahaja tetapi juga masalah yang bersabit dengan mutu hidup yang sempurna atau di mana wujud kemudahan-kemudahan asas dan sosial yang mencukupi.

Penjelasan Wegelin adalah sama yang diberi oleh Balwant Saini yang mengatakan bahawa masalah perumahan mestilah dikaitkan dengan pembangunan tapak dan penyediaan kemudahan awam dan sosial yang sewajarnya.¹¹

Tujuannya ialah untuk memberi faedah maksimum kepada bilangan penduduk yang luas dengan kos yang minimum. Balwant Saini mengatakan bahawa cara yang paling berkesan bagi kerajaan bahru yang timbul telah dapat menyekutu masalah itu. Beberapa juga dengan Wegelin dan Jamil Mohamed, belum juga menghasilkan kesimpulan.

meringankan masalah perumahan ialah dengan mengadakan pembinaan rumah-rumah kos rendah yang disediakan dengan segala kemudahan asas seperti bekalan air, api, sistem pembuangan sampah dan perlindungan kebakaran. Cara melaksanakannya boleh meliputi dua bentuk yang asas iaitu melalui pembekalan kemudahan asas dan sosial bagi sesuatu kawasan dengan tujuan mempertingkatkan kehidupan penduduknya ataupun dengan membuka tanah-tanah baru bagi projek pembinaan perumahan kos rendah yang mesti dilengkapi dengan segala kemudahan asas dan sosial.¹²

Jamal Mohammad pula mengatakan bahawa keperluan perumahan dapat didefinisikan sebagai jumlah min yunit-yunit yang dikehendaki untuk menyediakan perumahan yang sempurna bagi penduduk. Ini termasuk kekurangan yunit, gantian yunit-yunit yang uzur, gantian yunit yang tidak mencukupi serta keperluan bagi pertambahan penduduk.¹³

Jamal Mohammad percaya bahawa perumahan yang mencukupi adalah perlu bagi memenuhi matlamat Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya memperlihatkan pembahagian yang lebih saksama.

Kernial Singh Sandhu telah melihat masalah setinggan sebagai punca masalah perumahan di negara ini. Mengikut beliau masalah setinggan telah menjadi lebih ketara di zaman Jepun dan di era selepas Perang Dunia Kedua. Pentadbiran yang tidak berkesan serta usaha menanam lebih banyak makanan yang didapati di zaman Jepun telah menjadi asas perkembangan petempatan setinggan di Malaysia.

Beliau melihat penyelesain masalah ini di dalam program petempatan semula penduduk yang melibatkan pengumpulan penduduk dan relokasi penduduk.¹⁴

Kernial Singh Sandhu mengatakan bahawa kampung-kampung bahru yang timbul telah dapat menyekat masalah itu. Seperti juga dengan Wegelin dan Jamal Mohammad, beliau juga menyaran bahawa

penyelesaian masalah perumahan bukan sahaja dengan menyediakan yunit yang mencukupi tetapi juga mesti terdapat pemberian kemudahan asas dan sosial yang sempurna. Seterusnya, penulis ini akan melihat beberapa kajian awal ke atas kampung bahru di Malaysia. Salah seorang pengkaji ialah Ray Nyce yang telah membuat kajian empirik ke atas kampung secara am.¹⁵

Antara aspek-aspek yang dikaji oleh beliau ialah kekeluargaan corak kehidupan, perhubungan informal, upacara dan perayaan sekolah dan komuniti, hubungan antara kelompok loghat, perhubungan wilayah dan aktiviti komersial yang ada. Melalui ini, beliau telah membuat rumusan mengenai kesatuan, disintergrasi, intergrasi dan hubungan dengan lain-lain kampung dalam peringkat nasional.

Dari segi kesatuan, Nyce menunjukkan bahawa yunit keluarga menjadi asas menyatukan orang. Corak keluarga yang wujud ialah keluarga meluas yang terdiri daripada suami-isteri, anak-anak mereka serta cucu-cucu atau generasi ketiga. Terdapat hubungan yang erat wujud antara orang-orang yang mempunyai nama bapa yang sama. Lain-lain aspek penyatuan masyarakat ialah upacara keugamaan, rekreasi seperti permainan "mahjong" dan sebagainya.

Tetapi wujud juga faktur-faktur yang menyebabkan disintergrasi dalam masyarakat pemgangguran, kongsi-kongsi gelap, pemecahan dari segi politik. Di satu pihak yang lain terdapat unsur-unsur intergrasi yang memperkuuhkan ikatan masyarakat seperti pengaruh gereja, hubungan kejiranan, hubungan perkahwinan dan sebagainya.

Dari segi hubungan di antara kampung bahru dengan masyarakat yang lebih luas terdapat hubungan yang erat dan saling berkaitan. Misalkan ialah pengaruh fesyen-fesyen bandar yang ditiru oleh penduduk itu, penglibatan kawasan itu dalam ekonomi bandar dan sebagainya.

1.8 Konsep-konsep

Di dalam bahagianini, penulis akan melihat dan membincangkan beberapa konsep-konsep penting yang digunakan dalam kajian ini.

Di antara konsep-konsep yang digunakan termasuklah:-

(i) kampung bahru
 Kampung bahru ialah suatu fenomena sosial yang berlaku pada tahun-tahun 1950-an. Ia bermula sebagai kesan langsung daripada program pembangunan dan petempatan semula penduduk setinggan ke dalam kampung-kampung bahru yang lebih teratur dan terancang serta disediakan dengan segala kemudahan assas dan sosial supaya penduduk ini dapat mengalami kehidupan yang sempurna. Terdapat tiga jenis kampung bahru iaitu yang benar-benar baru; yang dibentuk di sekelilingi dan meresapi kampung-kampung kecil yang sediada dan yang di bentuk sebagai sambungan kepada pusat-pusat bandar atau kampung-kampung yang lebih besar tetapi masih mempunyai identitinya yang tersendiri.¹⁶

Kampung bahru yang pertama dibina di Johor dan dalam akhir 1960-an terdapat lebih kurang 480 buah kampung dengan 80% daripadanya bertumpu di pantai barat Semenanjung Malaysia.¹⁷

(ii) setinggan

Wegelin menulis bahawa setinggan merujuk kepada "mereka yang menduduki tanah secara haram di kawasan kepunyaan kerajaan ataupun tanah persendirian".¹⁸

Kerniel Singh Sandhu menunjukkan bahawa pertambahan penduduk setinggan adalah disebabkan oleh pertambahan semulajadi, migrasi secara haram dan pengaliran buruh.

(iii) luarbandar

Benci Penduduk 1970, menunjukkan bahawa sesuatu kawasan itu dikenali sebagai luarbandar jikalau ia mempunyai bilangan penduduk yang duduk di kawasan yang mempunyai

penduduk yang kurang daripada 10,000 orang.¹⁹ Terdapat banyak istilah bagi mendefinasikan penduduk luarbandar tetapi amnya penduduk luarbandar mestilah mempunyai tiga ciri utama iaitu ekologi, pekerjaan dan sosio-budaya. Ekologi merupakan ciri yang menunjukkan luarbandar sebagai kawasan yang mempunyai bilangan penduduk yang kecil dan kepadatan yang rendah. Faktur ini dikaitkan dengan faktur pekerjaan yang mengatakan bahawa penduduk luarbandar terlibat dalam pekerjaan pertanian sebagai kegiatan ekonomi yang utama. Faktur sosio-budaya pula menunjukkan penduduk luarbandar sebagai tradisional, lambat menerima perubahan, sikap kedaerahan yang tinggi serta stratifikasi sosial yang rendah.

iv) perumahan

Yang dimaksudkan dengan perumahan ialah pembangunan tempat tempat kediaman bagi manusia.²⁰ Sebenarnya, ini adalah suatu definisi yang sangat am kerana perumahan tidak sahaja meliputi faktur fizikal tetapi juga faktur-faktur sosial, ekonomi dan politik.²¹ Masalah perumahan iaitu masalah kekurangan yunit-yunit yang mencukupi bagi menampung bilangan penduduk yang membuat permintaan untuk rumah adalah suatu masalah yang penting yang dialami oleh kebanyakan negara-negara dunia ketiga.

(v) keperluan perumahan dan permintaan perumahan

Keperluan perumahan merujuk kepada bekalan kediaman yang boleh diterima dari segi sosial, yang tidak mencukupi.²² Sesebuah keluarga itu mempunyai rumah tetapi jika mereka mempunyai kemampuan dan keinginan untuk memiliki satu lagi yunit yang baru, maka akan wujud permintaan untuk perumahan. Sebaliknya, keluarga yang duduk di kawasan yang mempunyai kesesakan yang ketara akan menunjukkan keperluan untuk perumahan tetapi jika mereka tidak mempunyai kemampuan untuk membeli yunit maka permintaan tidak wujud.

(vi) rumah kos rendah

Mengikut Rancangan Malaysia Keempat, rumah kos rendah ialah rumah yang mempunyai harga tidak melebihi \$25,000 seyunit.²³ Sebenarnya kos bin'an mungkin tinggi tetapi kos ini mestilah tidak dijadikan beban pembeli. Di mana terdapat kemudahan kredit dalam bentuk pinjaman, kadar bunga yang dikenakan mestilah rendah daripada yang didapati di pasar dan masa membayar balik mestilah lama.

Seperkara menarik di sini ialah yang dimaksudkan dengan rumah kos rendah oleh penulis ialah rumah satu dan dua tingkat serta flat-flat satu atau dua bilik.

(vii) T.O.L.

T.O.L. merujuk kepada "temporary occupational license" yang merupakan lesen kediaman sementara yang diberi kepada penduduk setinggan dan penduduk kampung bahru. Pemegang T.O.L. tidak merupakan pemilik rumah ataupun plot rumahnya tetapi cuma adalah residen sementara dan kerajaan berhak menukar mana-mana syarat yang wujud ataupun membatalken lesen bila-bila sahaja tanpa diberitahu penduduk terlebih dahulu.

8. Namun begitu, laju penduduk 1980 masih merupakan data yang paling penting bagi membuktikan ini.
9. Data ini sebaiknya diketahui mungkin dapat dipercayai.
10. National Household Survey 1981, Sabiston Persefikian Negara Malaysia, 1983.
11. Dalam Sains, "Site Development & Sanitary Services, Heslop Wilson & John Lea, Housing in 3rd World Countries Perspectives and Policy and Practice, Macmillan Press, 1975.

Nota-nota Bab

1. Fairchild, Henry, Dictionary of Sociology, Littlefield Adams & Co., New Jersey, 1970.
2. Mitchell, Duncan G., A Dictionary of Sociology, Routledge & Kegan Paul, London 1968.
3. Fairchild, Henry, *ibid*.
4. Banci Penduduk 1980, Jabatan Perangkaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1980.
5. Fairchild, Henry, *ibid*.
6. Seperkara yang harus ditekan di sini ialah walaupun 50 orang responden yang dipilih itu adalah kecil bilangannya untuk mewakili semua penduduk di sini, namun ia masih penting bagi membuat kajian empiri. Untuk mendapat gambaran yang lebih menyeluruh penulis telah cuba mendapat responden dari lingkungan umur yang luas dan dari kedua jantina lelaki dan wanita.
7. Sungguhpun penulis mengalami masalah memungut data dari Jabatan tersebut tetapi data yang diperolehi masih merupakan data yang sangat penting bagi kajian ini.
8. Namun begitu, Banci Penduduk 1980 masih merupakan data yang paling penting bagi membuat kajian ini.
9. Data ini masih perlu walaupun kejituannya mungkin dapat dipersoalkan.
10. Kajian Separuh Penggal RME, 1983, Jabatan Percetakan Negara Malaysia, 1983.
11. Balwan Saini, "Site Development & Sanitary Services, Hamish Munison & John Lea, Housing in 3rd World Countries Perspectives and policy and Practice, Macmillan Press, 1979.

12. Balwant Saini, *ibid*.
13. Jamal Mohammad, "Housing Needs: An Overview of Problems & Prospects in M&sia", dalam Housing Needs as A Basic Need, Hong Kong, 1981.
14. Sandhu, Kernial Singh, "The Saga of The Squatter in Malaya" Journal of South East Asian History, Vol 5, No. 1, 1964.
15. Nyce, Ryan, Chinese New Villages in Malaya: A Community Study, Gordon Shirle (ed)., Malayan Sociological Research Institute Ltd., 1973.
16. Sandhu, Kernial Singh, *ibid*.
17. Wegelin, Emiel A., Cost Benefit Analysis of Rehousing Squatters in Klang Valley Area, Peninsular Malaysia Martinus Nijhoff Social Sciences Division Leiden/Boston, 1978.
18. Banci Penduduk 1970, Jabatan Perangkaan Negara Malaysia Kuala Lumpur, 1970
19. Fairchild, Henry, *ibid*.
20. Fairchild, Henry, *ibid*.
21. Penulis akanncuba membuktikan dalam kajian ini bahawa ketiga-tiga faktur ini mempunyai kaitan dengan masalah perumahan di kawasan kajian itu.
22. Yeh Stephen H.K., Public Housing in Singapore, A Multi Disciplinary Study, Singapore University Press for Housing and Development Board, 1975.

23. Rancangan Malaysia Keempat 1981- 1985, Jabatan Percetakan Negara Malaysia 1981.

BAB 2

SEJARAH & TARIKHESAKAHD

2.1 Pendahuluan Pada 16 Jun 1948, suatu kerdekaan daratan telah diangkat bersama di seluruh tanah Melayu. Kerdekaan ini tidak sebat aktiviti-aktiviti anti-kerajaan British oleh Parti Komunis Melayu.¹ Akibat daripada keadaan darurat ialah penempatan semula lebih kurang 200 juta orang di dalam lebih kurang 600 buah kampung bahru.² Penempatan semula penduduk adalah pada akhirnya menimbulkan keadaan masalah setinggi yang ketara sejak masa pemerintahan Jepun dan di samping selepas Revolusi Mei-Jun 1949.³ Apabila Parti Komunis mula menjadi aktif, perang setinggi ini menyokong sumber utama bagi anggotu Parti memperolehi bahan makanan dan senjataapi untuk menjalankan perang guerrilla menentang kerajaan Imparja I.⁴ Selain itu, kerajaan British telah memulakan Pelan Briggs pada tahun 1950 untuk mengurangkan ancaman komunis di Melayu. Pelan ini menfokuskan program penempatan semula penduduk sebagai tanggungjawab kerajaan.⁵

SEJARAH & LATARBELAKANG pengaruh komunis terhadap penduduk luarbandar manusia penduduk berbangsa Cina. Program ini melibatkan dua proses utama iaitu relokasi dan pengespulan semula.⁶ Pengespulan ini merupakan hasil dari aktiviti buruh-kuruk dan keluarga-keluarga mereka yang dahulunya berselaraskita kawasan yang lebih teratur dan terkawal. Relokasi melibatkan pemindahan penduduk luarbandar semula penduduk setinggi atau pun penduduk yang ngah ang kepadai tumpat yang terkesat yang dipanggil kampung bahru. Program pertama dimulakan di Johor pada Jun, 1950. Di akhir 1951 sebanyak 423,000,000 orang telah ditempatkan semula.⁷ Cara-cara menindahkan penduduk ke kampung-kampung bahru berbeda dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Di setengah kawasan pemindahan dijalankan secara culit hissanya pada waktu senja tetapi cara yang biasa ialah melalui tahap-tahap

2.1 Pendahuluan

Pada 16 Jun 1948, suatu keadaan darurat telah diisyiharkan di seluruh Tanah Melayu. Keadaan ini timbul akibat aktiviti-aktiviti anti-kerajaan British oleh Parti Komunis Malaya.¹ Akibat daripada keadaan darurat ialah petempatan semula lebih kurang satu juta orang di dalam lebih kurang 600 buah kampung bahru.² Petempatan semula penduduk adalah perlu memandang kepada masalah setinggan yang ketara sejak zaman pemerintahan Jepun dan di zaman selepas Perang Dunia Kedua.³ Apabila Parti Komunis mula menjadi aktif, penduduk setinggan ini merupakan sumber utama bagi anggota Parti memperolehi bahan makanan dan senjataapi untuk menjalankan perang guerilla menentang kerajaan Imperia.⁴ Kerajaan British telah memulakan Pelan Briggs pada tahun 1950 untuk mengurangkan ancaman komunis di Malaya. Pelan ini menjadikan program petempatan semula penduduk sebagai tanggungjawab kerajaan untuk mengurangkan pengaruh komunis terhadap penduduk luarbandar khasnya penduduk berbangsa Cina. Program ini melibatkan dua proses utama iaitu relokasi dan pengumpulan semula.⁵ Pengumpulan semula ialah pemindahan dan perusatan semula buruh-buruh dan keluarga-keluarga mereka yang dahulunya berselerek ke kawasan yang lebih teratur dan terkawal. Relokasi melibatkan pemindahan penduduk luarbandar samada penduduk setinggan ataupun penduduk yang sah kepada tapak-tapak yang terkewal yang dipanggil kampung bahru. Program pertama dimulakan di Johor pada Jun, 1950. Di akhir 1951 sebanyak 423,000,000 orang telah ditempatkan semula. Cara-cara memindahkan penduduk ke kampung-kampung bahru berbedza dari satu kawasank ke kawasan yang lain. Di setengah kawasan pemindahan dijalankan secara sulit biasanya pada waktu senja tetapi cara yang biasa ialah melalui tahap-tahap

pemindahan yang teratur. Selepas pemindahan penduduk sesuatu kawasan itu diluluskan notis-notis pindahan diberi kepada penghuni-penghuni yang terlibat. Tambahan penduduk juga diberi bantuan wang dan bantuan-bantuan lain seperti bahan binaan, kemudahan pengangkutan ke kawasan baru dan lain-lain lagi. Lokasi kampung bahru biasanya terletak di atas tanah rata dekat sebuah sungai dan mestilah kawasan yang mudah didatangi.⁶ Wang gantirugi dibayar iaitu £40 bagi setiap keluarga. Di samping itu, eluan subsidi sebanyak \$12 bagi setiap anggota keluarga juga akan diberi bagi tempoh dua hingga lima minggu. Kampung-kampung bahru yang dibina di fasa awal diletakan berhampiran jalan-jalan utama untuk memudahkan tentera-tentera berulangalik ke situ. Di samping itu terdapat kemudahan esas seperti bekalan api dan air serta kemudahan lain seperti sekolah, kebersihan dan sebagainya.⁷

Secara amnya terdapat 4 jenis kampung bahru yang utama iaitu:-

- (a) kategori "A" - merupakan kampung-kampung baru yang dibina di atas tanah dan hutan yang telah makin di bawah Negara diterangkan.
- (b) kategori "B" - iaitu kampung-kampung bahru yang dibina sekelilingi dan meresapi beberapa kampung kecil yang lain.
- (c) kategori "C" - ialah jenis kampung bahru yang dikaitkan tanah lembong dan mempunyai intergrasi dengan bandar tetapi mengekalkan identiti sendiri.
- (d) kategori "D" - iaitu kampung bahru yang dibina melalui cantuman beberapa kampung yang lain.

Kampung Bahru Ampang merupakan gabungan kategori "A" dengan kategori "D". Kampung ini bermula sebagai Kampung Lam a Ampang dengan lebih kurang 500 buah rumah tangga yang mempunyai penduduk yang sah dari sisi undang-undang.⁹ Apabila program Kampung Bahru Ampang dilaksanakan ia bukan jalan raya,

petempatan semula dilancarkan, sebanyak 1000 unit baru dibina di kawasan yang berhampiran dan disambungkan dengan kampung lama untuk membentuk kampung bahru kini, iaitu Kampung Bahru Ampang. Penduduk itu diberi kemudahan asas serta hak milik ke atas rumah dan tanah. Hanya sebilangan kecil penduduk di sini yang merupakan penghijrah dari kawasan yang lain yang kebanyakannya datang menetap di sini kerena kedekatan dengan pusat bandar. Pada permulaannya, pentadbiran kampung adalah dibawah Majlis Daerah dan hanya pada 1977 barulah terdapat pindahan kuasa ke pihak kerajaan. Pindaan ini telah memperlihatkan sedikit sebanyak pembaruan di dalam pentadbiran kawasan dan di dalam pemberian kemudahan serta pembaikan infrastruktur yang akan dibincangkan dalam bab-bab yang lain dalam kertas kajian ini.

2.2 Kedudukan dan Lokasi

Kawasan Kampung Bahru Ampang terletak kira-kira enam batu ke barat Kuala Lumpur. Kawasan ini adalah sebahagian daripada Mukim Ulu Langat iaitu salah sebuah daripada tujuh buah mukim di bawah Negeri Selangor.

2.3 Keadaan dan Infrastruktur Kawasan

